

20 AUG 2001

MAHATHIR-FDI

KERAJAAN MESTI BIJAK BILA BERURUSAN DENGAN FDI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 20 Ogos (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan mestilah bijak bila berurusan dengan pelaburan langsung asing (FDI) bagi memastikan bahawa ia menjadi rakan-rakan kongsi tulen yang tiak akan meninggalkan negara itu apabila keadaan menjadi buruk, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata.

Katanya: "Mereka perlu kekal dan mengalami keperitan dan berkongsi keperitan itu dengan kita.

"Kerajaan-kerajaan hendaklah menganggap mereka sebagai rakan-rakan kongsi pintar yang berhak kepada layanan terbaik yang para rakan kongsi berhak," katanya pada Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 di Speke Resort di Munyonyo Village kira-kira 15 km dari sini Malam Isnin.

Sementara FDI patut dialu-alukan dan disambut meriah, katanya adalah penting tidak mengecewakan pelaburan tempatan walau sekecil manapun.

"Lambat laun, pelaburan-pelaburan tempatan, akan berkembang agak besar dan "boleh dipercayai untuk kekal ketika masa-masa kecemasan ekonomi. Adalah penting diingat bahawa pelabur-pelabur tempatan adalah rakan-rakan kongsi tulen kita, mereka sebenarnya mempunyai kepentingan di dalam kemakmuran negara.

"Tidak seperti pelabur-pelabur asing, mereka tidak boleh tarik diri begitu sahaja apabila keadaan menjadi buruk," katanya di dalam ucapan beliau bertema "Mempertingkatkan Iklim bagi Pelaburan Langsung Asing melalui Perkongsian Pintar."

Berucap kepada kira-kira 600 orang peserta antarabangsa yang kebanyakannya dari Afrika dan sebilangan agak besar dari Malaysia, beliau berkata: "Jika kita bijak, dan perkongsian pintar pastinya memerlukan kita pintar, apabila kita mesti memastikan bahawa FDI akan menghasikan perkongsian pintar di kalangan kita dan mereka."

Turut hadir pada majlis makan malam itu ialah Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan beberapa orang ketua kerajaan dari Afrika termasuk Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki, Presiden Mozambique Joaquim Chissano dan Presiden Uganda Yoweri Kaguta Museveni, yang menjadi tuan rumah dialog itu yang diadakan kali pertama di Afrika Timur.

Dr Mahathir berkata FDI adalah dialu-alukan kepada kelebihan perbandingan seperti kos buruh yang rendah yang kita ada, "tetapi kita haruslah mendapat pulangan sebahagian kecil daripada kekayaan yang hasilkan dan memperolehi sedikit sebanyak kemahiran yang terbabit."

Beliau juga berkata bahawa pekerja-pekerja patut menyertai dalam semua usaha perkongsian pintar kerajaan dan hendaklah diberitahu mengenai faedah-faedah berhubung dengan diri mereka sendiri sebagai rakan kongsi dalam perniagaan, sama ada asing atau milik tempatan, yang kerajaan galakkan.

Bagaimanapun, beliau menekankan pentingnya keamanan perindustrian, sambil berkata tiada sesuatu seperti keamanan perindustrian untuk menarik pelaburan, "yang kenapa mengambil tindakan perusahaan untuk menaikkan upah akan hanya berjaya untuk satu masa yang singkat.

"Jika industri gagal membuat keuntungan, ia tidak akan berkembang untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan. Ia malahan mungkin tutup dan sebaliknya upah lebih tinggi, pekerja-pekerja mungkin dibuang menjadi galandangan," kata beliau.

Sementara buruh patut berwaspada terhadap penindasan pekerja, ia tidak seharusnya dibawa lari oleh kuasa tindakan perindustrian dan semangat

ketidakadilan sehingga menjadikan pelaburan tidak menarik.

Dr Mahathir turut mengulangi gesanya supaya diadakan pengenaan cukai dunia terutamanya ke atas negara-negara kaya yang memperolehi peluang-peluang untuk membuat lebih banyak kekayaan daripada globalisasi.

"Saya fikir adalah adil bahawa negara-negara ini membayar cukai berkanun kepada dunia kerana mereka adalah dianggap diperkaya oleh dunia," katanya.

"Saya harap negara-negara yang mendapat lebih banyak faedah daripada globalisasi dan dunia tanpa sempadan akan menerima cukai ini walaupun mereka telah memberikan bantuan kepada sesetengah negara miskin," katanya.

"Saya harap negara-negara miskin tidak akan menolak ide ini," katanya.

Dr Mahathir berkata cukai itu adalah tambahan kepada bantuan yang bukan sahaja amat kecil, tetapi meletakkan negara-negara penerima terhutang budi.

Katanya bahawa cukai dunia itu seharusnya untuk pembinaan prasarana-prasarana yang amat diperlukan bagi negara-negara miskin.

Prasaran seperti pelabuhan, lapangan terbang, lebuh raya, terusan, loji tenaga sungai, landasan keretapi dan sebagainya akan bukan sahaja menjadi pemangkin pembangunan mereka dan laluan ke pasaran-pasaran dunia, tetapi akan banyak menyumbang ke arah pembangunan ekonomi.

Katanya prasarana-prasarana itu bukan sahaja mempermudah pembukaan negara-negara miskin itu apabila selesai, menjadikan eksport mereka lebih kompetitif dan import lebih murah, tetapi kerja pembinaan mereka akan mengujudkan pemerintahan dan menjaga kekayaan bagi negara-negara itu.

Penyenggaraan berikutnya melalui cukai dunia akan menyebabkan wang terus mengalir ke negara-negara itu dan syarikat-syarikat pembinaan antarabangsa yang besar boleh membina projek-projek sambil syarikat-syarikat tempatan boleh memberi kontrak kecil kerja-kerja sivil dan bekalan.

Katanya adalah adil dan munasabah bahawa perniagaan-perniagaan yang beroperasi di seluruh dunia membayar cukai-cukai kepada dunia, kerana hasil yang diperolehi oleh cukai yang dibayar kepada kerajaan-kerajaan itu digunakan untuk memperkaya kehidupan rakyat di negara-negara yang telahpun kaya itu.

"Tetapi kita melihat pelabur-pelabur asing dan perniagaan-perniagaan dikecualikan sama sekali daripada cukai-cukai oleh negara-negara membangun yang amat ingin menarik FDI," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan terhadap negara-negara yang hanya berminat terhadap kemakmuran ekonomi yang menerima globalisasi tanpa mengira apa cara sekalipun.

Katanya jika negara-negara percaya bahawa harga diri, maruah dan kemerdekaan negara juga penting, "maka kita patut lihat sekali lagi globalisasi."

"Kita masih boleh adakan globalisasi tetapi hendaklah ada sedikit kawal seliaan kerajaan dan dalaman. Adalah tidak munasabah mengharap pasaran mengawal dirinya sendiri kerana hanya kerajaan-kerajaan mesti mengawal selia oleh kerana kerajaan memikirkan kepentingan majoriti rakyat,"

-- BERNAMA

MR MFJ OS